# BUNGA RAYA

## SIMBOL NEGARA

Tahun ini genap 61 tahun bunga raya dipilih sebagai Bunga Kebangsaan yang menjadi simbol kemegahan Malaysia.

Walaupun terdapat pelbagai jenis bunga raya tetapi hanya bunga raya merah atau Hibiscus rosa-sinensis yang dipilih sebagai Bunga Kebangsaan Malaysia.

Malah Bunga Kebangsaan ini diberikan tempat 'istimewa', apabila diletakkan di tengah Jata Negara bermula pada 1965.

Ciri fizikal pada bunga raya jelas menggambarkan mengenai Malaysia secara keseluruhannya berdasarkan warna, bentuk dan ukuran.

Ia merangkumi perpaduan bangsa, agama, negara dan masyarakat yang pelbagai kaum hidup dalam keharmonian.

MALAYSIA PRIHATIN

*Imej stigma bunga raya pada logo hari merdeka tahun ini*

## JENIS-JENIS BUNGA RAYA



*King Kakalua*



*Mystic Pink*

## BUNGA RAYA

| | |
|---|---|
| Nama saintifik | **Hibiscus rosa-sinensis** |
| Nama lain | **Bunga sepatu, kembang sepatu** |
| Keluarga | **Malvaceae** |

## BAHAGIAN BUNGA RAYA

**STAMEN**
**Organ pembiakan jantan** bunga terdiri daripada anter dan filamen

**PISTIL**
**Organ pembiakan betina** bunga terdiri daripada stigma, stil, ovari dan ovul




**RANGGI**
Berwarna-warni untuk **menarik perhatian serangga** dan **haiwan**


Ovul
SEPAL
Berwarna hijau untuk melindungi bunga pada peringkat kudup




## BAGAIMANA DIPILIH SEBAGAI BUNGA KEBANGSAAN?

- Selepas merdeka, **Kementerian Pertanian** mengemukakan **tujuh jenis bunga** sebagai **Bunga Kebangsaan** pada **1958**



- Kemudian, **Jabatan Penerangan menjalankan kajian** bagi mendapatkan reaksi **orang ramai** untuk pemilihan bunga yang diangkat sebagai Bunga Kebangsaan




- Berdasarkan hasil kajian itu, **tiga jenis bunga** menjadi pilihan iaitu **bunga mawar, melur** dan **cempaka**

- Namun, kerajaan memutuskan memilih **bunga raya** sebagai Bunga Kebangsaan



- **Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj** mengisytiharkan Bunga Raya sebagai **Bunga Kebangsaan pada 28 Julai 1960**

- Perisytiharan dibuat ketika perasmian **Pameran MAHA di Turf Club, Selangor**




*Tunku Abdul Rahman berucap di MAHA yang diadakan di Turf Club Selangor pada 28 Julai 1960.*


WARTAWAN
**Nor'Asyikin Mat Hayin**
*asyikin.mat@hmetro.com.my*

GRAFIK
**Salim Dawam**
*norsalim@hmetro.com.my*




*cot Brandy*

Fire





*Hibiscus Rosa*



**Bunga Raya**

Bunga Cempaka

Bunga Tanjung

## KRITERIA PEMILIHAN BUNGA RAYA

- Terkenal dan **mudah didapati**
- Pokoknya berbunga sepanjang masa
- Mudah **ditanam**
- Warna merah bunga raya **sangat menarik**
- Lima kelopaknya melambangkan **lima Rukun Negara**
  - a- Kepercayaan kepada Tuhan
  - b- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
  - c- Keluhuran Perlembagaan
  - d- Kedaulatan Undang-Undang
  - e- Kesopanan dan Kesusilaan

## JATA NEGARA

- Lambang rasmi Malaysia yang diperkenan dan diwartakan oleh Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952.
- **Tiga daripada enam** Jata Negara mempunyai **bunga raya**

### EVOLUSI JATA NEGARA



**1929**



**1948**



**1963**
(Pembentukan Malaysia)



**1965**
(Singapura keluar Malaysia)



**1975**




**Jata Negara hari ini**

## BUNGA RAYA DIGUNAKAN SEBAGAI SIMBOL:



Logo




Setem



Lencana



Syiling



Bendera/ kain rentang



Wang kertas




## MAKNA SIMBOL PADA JATA



**BINTANG PECAH 14**
Menandakan 13 negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Persekutuan Malaysia

**BINTANG BERSAMA ANAK BULAN**
Melambangkan Islam agama rasmi di Malaysia



**DUA HARIMAU DI KIRI DAN KANAN JATA**
Haiwan rasmi Malaysia iaitu harimau Malaya yang melambangkan simbol keberanian



**LIMA BILAH KERIS**
Mewakili Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu



**EMPAT JALUR**
Empat jalur berwarna merah, hitam, putih dan kuning di bahagian tengah Jata Negara melambangkan negeri yang dahulu dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu



**IMEJ POKOK PINANG DAN JAMBATAN PULAU PINANG**
Melambangkan negeri Pulau Pinang



**IMEJ POKOK MELAKA**
Melambangkan negeri Melaka



**TIGA BAHAGIAN SEBELAH BAWAH**
- Jata Sabah *(Mewakili Sabah)*
- Bunga Raya *(Lambang Bunga Kebangsaan)*
- Jata Sarawak *(Mewakili Sarawak)*




**WARNA KUNING PADA AWAN-AWAN**
Melambangkan sistem beraja dan warna diraja bagi Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja di Malaysia

**SLOGAN BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU**
Pada sebelah kiri jata ditulis dalam tulisan Rumi manakala sebelah kanan pula ditulis menggunakan tulisan Jawi